

14 OCT 2003

OIC-Deklarasi/I

DEKLARASI PUTRAJAYA TUMPU KEPADA STRATEGI BERORIENTASI TINDAKAN

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Deklarasi Putrajaya yang akan dikeluarkan pada penghujung sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini akan bertumpu kepada strategi yang berorientasikan tindakan, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata dokumen itu akan berbeza daripada deklarasi-deklarasi yang dikeluarkan oleh persidangan kemuncak sebelum ini.

"Ada komitmen keras dan kehendak anggota persidangan untuk memastikan bahawa kita tidak membuatnya berdasarkan kepada frasa-frasa yang kemas dan cantik. Tapi kami ingin menyaksikan tindakan," katanya kepada sidang media selepas berakhirnya Mesyuarat Persediaan peringkat Menteri untuk OIC selama dua hari di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Syed Hamid mempengerusikan mesyuarat peringkat menteri itu apabila Malaysia mengambil alih jawatan pengerusi pertubuhan yang dianggotai 57 negara itu untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sidang kemuncak selama dua hari mulai Khamis ini, yang merupakan perhimpunan terbesar pemimpin-pemimpin negara Islam sejak dua tahun lepas.

Syed Hamid berkata Deklarasi Putrajaya akan menggariskan Pelan Tindakan yang kukuh dalam usaha meningkatkan antara lain; perdagangan, ekonomi, pelaburan, teknologi maklumat, sains dan teknologi, serta pendidikan, demi kebaikan ummah.

Contohnya menurut beliau, dalam penyuburan semula OIC, ada satu kenyataan mengenai perlunya OIC menjadi pertubuhan yang boleh diharapkan dan padu supaya ia dapat berfungsi sebagai sebuah badan yang mewakili anggota-anggotanya.

"Pada masa yang sama, kita akan mempunyai pelan tindakan mengenai bagaimana cara melaksanakannya dan bagaimana cara kita harus mencapainya," katanya.

Selain daripada deklarasi itu, Syed Hamid berkata sidang kemuncak itu juga akan mengeluarkan beberapa pernyataan mengenai Palestin, Syria, Iraq dan Lubnan.

Beliau berkata satu pernyataan yang mengandungi semua perkara yang telah dibincangkan, didebat dan diputuskan dalam sidang kemuncak itu juga akan turut dikeluarkan.

Menjawab satu soalan, Syed Hamid berkata terpulang kepada negara-negara anggota OIC secara sendiri, untuk memutuskan sama ada ingin menghantar tentera pengaman ke Iraq ataupun tidak.

"Ia bukan terpulang kepada OIC untuk menentukan, kerana OIC (sebagai sebuah pertubuhan) tidak pernah menghantar tentera pengaman ke mana-mana negara," katanya semasa ditanya mengenai pendirian OIC berhubung perkara itu.

Turki sebelum ini dilaporkan berhasrat untuk menghantar 10,000 tentera pengaman ke Iraq, manakala beberapa negara Islam merasakan bahawa mereka tidak seharusnya berbuat demikian selagi Iraq masih berada di bawah penguasaan Amerika.

-- BERNAMA

JM MKO AZH